

# Perhimpunan Patriotik Pemimpin Pelajar catat sejarah UM 25 AUG 2002

SKUDAI 24 Ogos – Perhimpunan Patriotik Pemimpin Pelajar Sekolah Peringkat Kebangsaan di Stadium Tertutup Pasir Gudang, Johor hari ini mencatat sejarah tersendiri dalam *Malaysia Book of Records*.

Pada majlis penutup oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir, tarian zapin oleh para pelajar dari sekolah-sekolah di seluruh Johor telah diiktiraf sebagai persembahan dengan jumlah penari dan pemuzik paling ramai di negara ini.

Seramai 1,038 pelajar terlibat dalam persembahan itu yang para penari bukan sahaja memenuhi ruang lantai stadium tertutup itu tetapi bahagian atas di belakang tempat duduk penonton.

Sebagai pengiktirafan, pengurusan *Malaysia Book of Records* telah memberikan satu sijil yang diserahkan oleh Dr. Mahathir kepada Pengarah Pendidikan Johor, Senan Ibrahim.

Selain tarian zapin, majlis itu juga diserikan dengan persembahan drama Muzika Datuk Onn bagi membangkitkan semangat kemerdekaan di kalangan kira-kira 6,000 pelajar yang hadir pada majlis tersebut.